

BAB 12

BIOETIKA: ELEMEN UTAMA WACANA KONTEMPORARI ISLAM DAN SAINS

Noor Munirah Isa

PENDAHULUAN

Kemajuan ilmu pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi pada hari ini menjadi pemangkin kepada kepesatan pembangunan sesebuah negara. Malah teknologi-teknologi yang dihasilkan ini membantu manusia dapat menjalani kehidupan yang lebih sejahtera dan bermanfaat. Dengan kata lain manusia pada hari ini sangat bergantung kepada teknologi. Walaupun kemajuan sains dan teknologi dilihat menjanjikan pelbagai kebaikan, namun pada masa yang sama, pelbagai kebingangan yang timbul terhadap implikasi sosial, budaya, undang-undang dan etika sains dan teknologi adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan.³⁹⁷

³⁹⁷ UNESCO. Bioethics. Diperoleh April 22, 2009 dari http://portal.unesco.org/shs/en/ev.php-URL_ID=1372&URL_DO=DO_TOPIC&URL_SECTION=201.html

Adalah perlu dinyatakan bahawa catatan sejarah sains telah membuktikan sains dan teknologi boleh mendatangkan mudarat jika tiada kawalan etika, moral dan peraturan yang ketat. Selain itu keadaan ini boleh menyebabkan terdapat sesetengah golongan masyarakat melihat kemajuan dan ciptaan sains sebagai berbahaya (*evil*). Seperti yang dicadangkan oleh Carlson (2006), terdapat empat faktor yang menyebabkan masyarakat memandang serong terhadap kemajuan sains dan teknologi. Faktor pertama ialah pengaruh sains fiksi, iaitu masyarakat sering melihat saintis dilihat sebagai *Frankenstein* seperti yang digambarkan dalam novel *Frankenstein* oleh Mary Shelly pada tahun 1818. Faktor kedua ialah sejarah sains seperti eksperimen perubatan oleh tentera Nazi dan pengeboman nuklear ke atas bandar Nagasaki dan Hiroshima yang telah menunjukkan bagaimana sains dan teknologi boleh dieksplotasi untuk memusnahkan populasi manusia.